

# Tiada keperluan tingkat usia bersara

**Kuala Lumpur:** Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berpendirian, tiada keperluan meningkatkan usia persaraan perkhidmatan awam kepada 65 tahun.

Presidennya Adnan Mat berkata, perkara itu berikutan skim persaraan penjawat awam sudah mengalami tiga kali perubahan dalam tempoh 20 tahun.

“Kali pertama, had usia persaraan penjawat awam dilanjutkan daripada 55 kepada 56 tahun pada 2001.

“Diikuti pada 2008 apabila

usia persaraan dilanjutkan daripada 56 kepada 58 tahun. Empat tahun kemudian, ia dinaikkan lagi daripada 58 kepada 60 tahun,” katanya pada kenyataan, semalam.

Adnan mengulas mengenai wakil dan Pengurus Negara Kumpulan Bank Dunia di Malaysia memberi cadangan supaya Malaysia meneliti semula dasar mengenai had usia persaraan berikutan status negara yang mungkin akan mempunyai masyarakat berusia pada masa akan datang.

Atas faktor itu, wakil Bank Dunia berkenaan mencadangkan supaya Malaysia meningkatkan had minimum usia persaraan daripada 60 kepada 65 tahun dan ia dikaji dari semasa ke semasa sesuai dengan unjuran jangka hayat penduduk Malaysia.

Adnan berkata, pihaknya berpandangan sebahagian besar individu dalam lingkungan usia 60 tahun ke atas kebiasaannya berdepan dengan beberapa kekangan berkaitan pekerjaan termasuk faktor kesihatan selain perlu mengadaptasi teknologi baharu yang semakin canggih.

ADNAN

